



PETA KONSEP

TINGKATAN 5

Sistem Persekutuan

Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita

Pembentukan Sistem Persekutuan di Malaysia

- Persekutuan 1896
- Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927
- Kesatuan Malaya 1946 (Malayan Union)
- Persekutuan Tanah Melayu 1948
- Persekutuan Tanah Melayu 1957
- Persekutuan Malaysia 1963

Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Pembahagian kuasa

Kuasa Kerajaan Persekutuan

Kuasa Kerajaan Negeri

Kerajaan Tempatan

- Melicinkan perjalanan sistem Persekutuan.
- Mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan.

Kuasa pemerintahan Kerajaan Persekutuan meliputi perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai Senarai Persekutuan.

Kuasa pemerintahan Kerajaan Negeri meliputi perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai Senarai Negeri.

Diberi kuasa untuk mentadbir dan melaksanakan tanggungjawab dalam sesebuah kawasan tempatan atau daerah kecil yang diwartakan.

Kerjasama pembangunan sosioekonomi

- Pembangunan Tanah – Pembukaan tanah baharu dan pembangunan In-Situ.
- Pembangunan Wilayah – KEDA, PERDA, KEJORA, KESEDAR, KETENGAH, DARA, LKTS, SALCRA dan SLDB.
- Pembangunan Koridor Wilayah – SJER, NCER, ECER, SCORE dan SDC.

Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Kerjasama pemuliharaan khazanah negara

- Pengurusan taman negara – pengurusan hidupan liar dan taman negara ialah tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
- Pengurusan taman laut:
 - Kerajaan Persekutuan membentuk dasar berkaitan dengan taman laut.
 - Kerajaan Negeri berkuasa terhadap pembangunan pulau.

Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Kerjasama penyediaan perumahan rakyat

- Perumahan awal kemerdekaan.
- Perumahan untuk mengatasi masalah kemiskinan.
- Perumahan mampu milik.

Kerjasama Menjamin Keselamatan dan Kedaulatan Negara

- Rajang Area Security Command (RASCOM)
- Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)

Keluhuran Perlembagaan mengukuhkan Persekutuan

- Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan menyebutkan bahawa jika mana-mana undang-undang Negeri tidak selaras dengan undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan hendaklah mengatasi undang-undang Negeri.
- Prinsip ini mengukuhkan sistem Persekutuan di negara kita.

Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

- Melalui Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri serta majlis khas, penyelarasan pentadbiran dibuat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
- Keberkesanan penyelarasan dan hubungan ini dapat menjamin sistem Persekutuan beroperasi dengan berkesan.